

Bab 1

i) Pengenalan

Dalam setiap kelompok masyarakat tanpa mengira sistem kepercayaan dan amalan agama mempunyai satu himpunan nilai serta etika sosial yang menjadi tatacara dan peraturan dalam kehidupan. Nilai dan etika sosial ini pula tersemat kuat dalam amalan serta kepercayaan setiap individu lalu menjadi pegangan dalam setiap perlakuan dan tindakan yang dilakukan. Bagi sesetengah masyarakat terutamanya suku pribumi yang mendiami kepulauan Melayu, nilai serta etika sosial ini dikenali sebagai [Adat]. Pada prinsipnya ia wujud sebagai satu himpunan peraturan atau undang-undang moral berperanan mengawal serta memelihara kesejahteraan dan keharmonian sosial.

Memahami akan fungsi dan operasi adat dalam masyarakat Bidayuh, analisa kajian perlu difokuskan kepada prinsip yang menjadi asas ideologi falsafah hidup yang didukung oleh masyarakatnya. Tanpa merujuk kepada prinsip asas yang menentukan tindak-tanduk sosial maka gambaran tentang konsep dan operasi adat sukar untuk diterjemahkan maknanya dalam bentuk yang lebih tepat. Adat penting dalam kehidupan kerana ia berfungsi sebagai alat kawalan sosial. Adat berperanan membentuk sistem kepercayaan dan cara hidup yang dijadikan panduan dalam mengadaptasi perubahan serta pembaharuan. Demikian juga, ia dianggap sebagai entiti penting mencirikan identiti suku bangsa individu yang menjadi lambang kehidupan secara berterusan (Gerunsin 1993:42).

Demikian juga, dalam kehidupan masyarakat Bidayuh adat berperanan mengawal serta menentukan etika dan tatacara dalam bertindak. Etika dan nilai adalah tatacara dan peraturan yang terangkum dalam adat menjadi satu himpunan undang-undang moral yang harus dipatuhi dalam setiap tindakan yang dilakukan. Seseorang individu atau masyarakat yang menjunjung adat mempunyai kewajipan meletakkan adat sebagai syarat utama dalam setiap aspek hidup. Ini kerana adanya kepercayaan dalam diri individu atau masyarakat yang menganggap mentaati serta menjunjung adat menjadikan kehidupan berada dalam suasana sejahtera dan harmonis. Begitu juga sebaliknya, jika adat diabaikan nescaya kehidupan menjadi tidak sempurna. Oleh itu, sesiapa yang melanggar adat secara sedar atau tidak akan mendapat balasan (satu bentuk hukuman) sama ada dalam bentuk fizikal maupun spiritual akibat daripada tindakannya itu. Ini disebabkan adat bukan sekadar satu himpunan nilai yang harus dimuliakan tetapi juga menjadi syarat penting mengawal serta mengekalkan keharmonian sosial di samping berupaya menentukan hukuman ke atas mereka yang mengingkarinya.

Falsafah yang terkandung dalam adat tidak mungkin dapat dipisahkan daripada alam pemikiran malah menjadi asas yang menguatkan kepercayaan setiap individu maupun masyarakat. Dengan adanya kepercayaan begitu, maka adat terus kekal serta utuh sebagai alat kawalan sosial yang efektif dalam mengawal serta menentukan keharmonian hidup masyarakat Bidayuh. Ini dipersetujui oleh para pengkaji yang dianggap pakar dalam adat pribumi seperti Sandin, Jayl, Hooker, Sather dan ramai lagi yang sependapat adat adalah satu himpunan nilai yang bukan sahaja berperanan mengekal serta memelihara keharmonian sosial dalam masyarakat tetapi juga menjadi syarat penting ke arah kesempurnaan hidup berterusan. Untuk itu, adat handaklah sentiasa dipatuhi serta dijunjung. Justeru dalam kehidupan masyarakat Bidayuh adat bukan sahaja menjadi syarat

penting ke atas amalan hidup malah ia dimuliakan dalam apa juga keadaan dan tempat. Suatu bentuk fahaman yang agak mirip (jika tidak pun sedikit berbeza) dengan konsep [Adat- Perbilangan] masyarakat Minangkabau yang berpegang pada peri bahasa “*Biar mati anak, Jangan mati adat.*” Meskipun ia sekadar satu ungkapan yang agak ‘konservatif’ dan tidak mungkin wujud dalam konsep nyata tetapi sudah cukup menggambarkan betapa adat pada prinsipnya begitu dimuliakan dalam hidup. Pernyataan Scharer (1963) mungkin tepat memerihalkan konsep tersebut kerana menurutnya dalam kehidupan masyarakat pribumi tidak ada masa, keadaan, dan tempat yang terluang tanpa adat. Dalam kata lain, setiap aspek kehidupan terangkum dalam hukum adat.

Setiap kehidupan sama ada manusia, tumbuhan, binatang atau segala bentuk hidupan lain dalam alam semesta tidak wujud sendiri sebaliknya saling berintegrasi dan terikat antara satu sama lain. Manusia misalnya tidak dapat hidup sendiri tanpa ada hidupan lain disekelilingnya. Oleh itu, orang Bidayuh percaya dengan ada hidupan lain disekelilingnya, mereka dapat mengekal serta memelihara corak hidup dengan menyesuaikan dan mengimbangi proses hubungan melalui tindakan yang dilakukan. Justeru keharmonian hidup dapat diperolehi melalui proses ikatan hubungan serta integrasi murni manusia-alam semulajadi. Proses hubungan dan integrasi manusia-alam menjadi harmonis kerana adat bertindak mengawal serta mengimbanginya menurut tuntutan serta ketentuannya. Pendek kata, dalam kehidupan setiap tindakan dan perlakuan individu maupun masyarakat terikat dengan adat. Kehidupan menjadi tidak sempurna tanpa adat. Begitu juga, adat akan pudar sifat dan pengaruhnya andai kehidupan hilang ‘integriti’ serta ‘identiti’ yang bergerak seiring dengannya.

Falsafah adat yang menganjurkan prinsip integrasi manusia dan hukum-alam dengan tuhan membawa kepada satu kesatuan nilai yang berpadu membentuk asas sistem kepercayaan dan agama yang diamalkan. Demikian juga, kosmologi masyarakatnya terbentuk oleh falsafah adat yang tersedia terjalin dalam prinsip sistem kepercayaan dan agama yang dijunjung. Justeru sistem sosialnya terjalin oleh ikatan sosial yang kukuh dalam ruang lingkup yang ditentukan oleh adat. Bagi masyarakat Bidayuh adat bukan sahaja menyumbang kepada pengukuhan sistem kepercayaan dan agama tetapi juga berperanan mencorakkan nilai sosio-budaya, ekonomi dan politik yang diamalkan. Segala bentuk sistem dan nilai yang diamalkan dalam hidup merupakan elemen yang dicirikan oleh adat. Oleh yang demikian, adat bukan sahaja berperanan sebagai himpunan alat kawalan sosial yang efektif tetapi juga turut menyumbang kepada asas yang mencirikan nilai serta budaya hidup masyarakat Bidayuh secara berterusan.

Objektif Kajian

Setiap masyarakat tanpa mengira asal-usul keturunan atau bangsa memiliki pegangan falsafah dan nilai yang mencirikan jati diri dan identiti masyarakatnya. Tanpa ada pegangan nilai serta falsafah hidup sesuatu bangsa itu akan luntur nilai jati diri dan identiti yakni warisan yang diwarisi daripada generasi sebelumnya. Dalam masyarakat pribumi adat wujud sebagai suatu himpunan peraturan yang mengawal serta memelihara kesejahteraan sosial. Justeru itu, adat dijunjung dan dimuliakan kerana adanya bentuk kepercayaan yang menganggap kehidupan tanpa adat akan mengakibatkan kehidupan tidak harmonis. Paradigma ini utuh dalam pemikiran setiap ahli masyarakatnya kerana adat dianggap berperanan mengawal serta menentukan tindakan serta perlakuan setiap individu dalam masyarakat. Untuk mendapatkan sejauhmana kebenaran ini maka objektif kajian akan tertumpu kepada aspek seperti berikut;

- a) Melihat bagaimana proses hubungan serta integrasi adat dengan hukum alam semulajadi membawa kepada keutuhan institusi adat dari segi prinsip dan falsafah dalam kepercayaan hidup masyarakat pribumi. Mengapa melalui proses hubungan serta integrasi dengan hukum alam semulajadi ini menjadikan adat semakin kukuh dari segi konsep dan prinsipnya sebagai alat kawalan sosial.
- b) Untuk melihat tanggapan masyarakat ke atas konsep adat yang dianggap berperanan menyusun-atur serta memelihara keharmonian masyarakat pribumi. Mengapa dan bagaimana adat mempengaruhi alam pemikiran kehidupan masyarakat? Untuk mendapatkan gambaran lebih lanjut maka objektif kajian akan menyingkap beberapa perspektif berikut: pertama; konsep adat yang dijunjung bersifat mengikat

serta mengawal seluruh alam kehidupan. Kedua; ideologi falsafah kepercayaan yang didukung memaksa setiap ahli akur serta patuh kepada hukum adat. Seterusnya pula, konsep adat yang berpaksikan hukum alam (nature order) di samping terikat dengan elemen ritual dan spiritual menjadikan institusi adat semakin kukuh dan padu dalam kepercayaan diri individu.

- c) Mengupas ideologi serta falsafah adat yang membentuk asas nilai kehidupan masyarakat. Analisa kajian akan cuba melihat bagaimana ideologi falsafah adat yang berpaksikan hukum alam terikat dengan elemen ritual dan spiritual menyumbang kepada corak sosio-budaya, ekonomi dan politik yang diamalkan. Dalam kehidupan masyarakat pribumi sesungguhnya adat dilihat berperanan menyumbang kepada pembentukan nilai sosio-budaya, ekonomi dan politik.
- d) Mendapatkan gambaran sejauhmanakah adat memainkan peranan sebagai alat kawalan sosial yang sangat efektif dalam kehidupan masyarakat pribumi. Dalam kehidupan yang diamalkan adat dilihat sebagai himpunan peraturan yang menentu serta mengawal setiap aspek tindakan serta perlakuan individu. Dalam konteks ini, analisa akan menghuraikan bagaimana adat dari aspek prinsip, prosedur serta implementasi diterima-pakai dan terus kekal dalam amalan diri individu.
- e) Memaparkan bagaimana operasi adat turut menyumbang kepada pembentukan struktur organisasi sosial yang dipertahankan dalam amalan kehidupan masyarakat. Kewujudan struktur sosial yang ada dilihat terikat serta dicirikan oleh prinsip adat yang diamalkan.

d) Menilai sejauhmana adat menyumbang kepada pembentukan budaya tradisi yang mencirikan tamadun masyarakat Bidayuh. Apakah sesungguhnya adat merupakan cerminan budaya dan tradisi yang kekal malah terus hidup dalam amalan individu mahupun masyarakat. Dalam kata lain, apakah benar budaya serta tradisi masyarakat Bidayuh membentuk entiti mutlak yang menyumbang kepada kewujudan tamadun masyarakatnya.

Selain itu, kajian juga cuba memaparkan secara tidak langsung sumbangan adat ke atas tamadun masyarakat pribumi dan bagaimana adat mempengaruhi sistem nilai atau falsafah yang dijunjung. Apakah konsep adat yang diamalkan mempunyai suatu proses yang sama dari aspek implementasi, operasi serta fungsinya sebagai alat kawalan sosial. Paling penting apakah adat juga memainkan peranan yang menyumbang kepada pembentukan tamadun masyarakatnya. Dalam pada itu, bagaimanakah pula adat membentuk sistem kawalan sosial yang efektif dari aspek prinsip, prosedur dan pelaksanaannya. Mengapakah prosedur serta pelaksanaan sedemikian rupa berupaya serta sangat efektif malah diterima-pakai sehingga menjadikan intitusi adat terus hidup dalam diri individu.

Persoalan Kajian

Dalam konteks kajian ini, adat dianalisa untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang tanggapan masyarakat terhadap konsep adat dalam operasi dan peranannya yang diterima-pakai sebagai alat kawalan sosial dalam masyarakat pribumi. Begitu juga, kosmologi masyarakat pribumi lahir dalam prinsip adat yang mengikat serta mengawal seluruh aspek hidup ahli masyarakat. Peranan adat bukan sekadar wujud sebagai entiti yang membentuk himpunan kawalan sosial tetapi juga menuntut rasa tanggungjawab setiap ahli masyarakat memelihara serta mentaatinya sebagai amalan hidup. Adat bertindak menyusun-atur dan mengekalkan institusi sosial dalam keadaan harmonis. Kehidupan tanpa adat ibarat kehidupan tanpa pegangan nilai dan falsafah. Untuk tujuan ini, maka persoalan kajian tertumpu kepada beberapa aspek seperti berikut;

a) Adat bertindak sebagai alat kawalan sosial.

Adat dalam kehidupan masyarakat berperanan sebagai alat kawalan sosial yang menyumbang kepada wujudnya institusi sosial yang terpelihara dari aspek fizikal ataupun spiritual. Kosmologi masyarakat yang terikat oleh proses interaksi serta integrasi alam semulajadi membentuk falsafah atau ideologi kepercayaan yang menyumbang kepada keutuhan entiti adat kekal wujud sebagai alat kawalan sosial. Dari aspek fizikal adat bertindak memelihara dan mengekalkan keharmonian stuktur sosial masyarakat. Dari aspek ritual pula adat berperanan memelihara hubungan serta integrasi sosial dengan alam spiritual dalam keadaan harmonis. Operasi serta peranan adat sesungguhnya mewujudkan keseimbangan dan kesejahteraan fizikal mahupun spiritual dalam masyarakat.

b) Adat menyumbang kepada pembentukan tamadun pribumi.

Dalam kehidupan masyarakat pribumi tamadun masyarakat terpancar oleh manifestasi yang terangkum dalam falsafah atau prinsip adat yang dijunjung. Prinsip adat yang diamalkan dalam kehidupan pula secara tidak langsung membawa impak ke dalam pembentukan struktur sosial masyarakat. Adat berperanan sebagai pelengkap keutuhan budaya serta tradisi yang mencorakkan tamadun masyarakat pribumi. Adat wujud mengekalkan nilai atau pegangan hidup yang di amalkan sehingga kini. Dengan sistem kepercayaan atau agama yang terangkum dalam prinsip adat maka lahirlah sistem serta budaya hidup bermasyarakat yang harmonis dan bersatu-padu. Selain itu, dengan prinsip adat yang dijunjung nilai budaya seperti sambutan perayaan atau upacara ritual kekal terpelihara dan diamalkan dalam kehidupan. Manifestasi adat yang dipengaruhi oleh elemen ritual dan spiritual dalam kepercayaan serta tindakan masyarakat terpancar dalam upacara Gawai atau ritual yang dilakukan. Demikian pula sistem ekonomi yang berdasarkan sistem pertanian pindah terbentuk oleh nilai yang didukung dalam adat. Prinsip adat yang terpancar oleh hubungan serta integrasi alam semutajadi menyumbang kepada pegangan nilai yang bertindak mengikat sistem ekonomi yang dilakukan. Begitu juga, institusi politik masyarakat terbentuk dan dipengaruhi oleh prinsip adat. Keutuhan serta pelaksanaan sistem politik yang diamalkan terbit dan terjalin erat dalam prinsip adat yang dijunjung.

c) Membentuk jati diri serta identiti masyarakat.

Adat yang membentuk himpunan kawalan sosial dalam kehidupan masyarakat adalah warisan yang diwarisi turun-temurun. Falsafah atau ideologi yang terangkum dalam prinsip adat membentuk paradigma sistem nilai sosial yang kuat dalam amalan serta kepercayaan

hidup masyarakat. Bagi masyarakat Bidayuh adat yang dijunjung adalah falsafah atau ideologi yang mencerminkan identiti serta budaya masyarakatnya.

Persoalan di atas adalah asas penting untuk melihat sejauhmana adat yang di amalkan wujud sebagai alat kawalan sosial yang sangat efektif dalam memelihara keharmonian masyarakat.Tanpa melihat peranan alam semulajadi serta menimbangkan latarbelakang alam kehidupan masyarakat yang ada maka peranan adat sebagai himpunan peraturan sosial tidak dapat dihuraikan dengan jelas. Begitu juga, meminggirkan falsafah serta ideologi yang membentuk konsep adat dalam amalan kepercayaan diri individu membawa kepada kesukaran dalam mengesahkan prinsip, prosedur serta implimentasi adat sebagai syarat penting yang menyumbang kepada keharmonian sosial.

Literasi kajian

Melihat kepada kajian lepas, tidak banyak bentuk penyelidikan yang dilakukan tentang adat Bidayuh secara khusus dan menyeluruh. Semua bentuk kajian yang telah dilakukan sama ada oleh pengkaji barat mahupun tempatan lebih banyak tertumpu ke atas aspek sosio-ekonomi dan politik. Jika adapun kajian tentang adat ia dibuat secara ringkas dan tidak khusus. Dalam konteks ini, kajian yang dilakukan oleh Geddes pada tahun 1954 dalam "*The Land Dayak Of Sarawak: Report On A Social Economic Survey Of The Land Dayak Of Sarawak*" dan buku "*Nine Dayak Night*" boleh dianggap penyelidikan yang agak terperinci. Namun dalam hal ini, Geddes tidak menyentuh secara terperinci tentang perihal yang berkaitan dengan adat. Sebaliknya penekanan lebih ditumpukan ke atas kegiatan sosio-ekonomi dan politik. Tambahan pula latarbelakang wilayah kajian hanya tertumpu ke atas sebahagian suku etnik Bidayuh iaitu kelompok suku etnik Serian sahaja.

Sementara itu, Walker pula dalam kajiannya 1998 dalam "*James Brooke And The Bidayuh: Some Ritual Dimensions Dependency and Resistance In Nineteenth Century Sarawak*" lebih menumpukan soal politik serta sumbangannya ke atas 'Ritual States'. Penulis lain seperti Charles Hose dan McDougall menumpukan perbincangan ke atas sosio-ekonomi dalam bukunya "*The Pagan Tribes Of Borneo*" Vol.I & Vol. II. Demikian pula halnya dengan V.T.King dalam bukunya "*World Within*".

Selain daripada pengkaji di atas, ada juga di antara mereka yang menerbitkan hasil penyelidikan dalam bentuk artikel atau Journal. Antara mereka termasuklah Elam 1937 "*Land dayaks of the Sadong District*", Staals 1940 "*Folklore of the Sadong Dayaks*",

Hewitt 1961 “*The First Land Dayak*”, Gordon Roberts 1950 “*Descent of the sadong Bidayuh*”, Drake-Brockman 1959 “*The land dayaks: The people of Sarawak*” dan sebagainya lagi lebih menumpukan kajian ke atas sejarah asal-usul orang Bidayuh. Sementara penulis lain seperti Andriessie 1972, Aichner 1950, Chambers 1951, Peter Howes 1960 lebih menitikberatkan tulisannya ke atas sosio-budaya dan ekonomi secara sepintas lalu dan tidak menyeluruh. Demikian juga halnya dengan penulis tempatan seperti Benedict Sandin, Jacob Ridu, Micheal Aman, William Nais, Raphel Nyandoh, Leo Mario dan lain-lain lagi tidak menonjolkan soal adat dalam penulisan mereka. Seperti yang telah dinyatakan soal sosio-ekonomi dan politik lebih diberi keutamaan dalam aspek penyelidikan.

Perlu juga ditegaskan di sini, semua bentuk penulisan yang diterbitkan oleh para penulis di atas adalah dalam bentuk kertas kerja, artikel atau journal yang diterbitkan oleh Sarawak Muzium atau Sarawak Gazette dan bukan terbitan dalam bentuk buku. Tambahan pula, hasil kajian mereka lebih tertumpu kepada sebahagian kelompok etnik iaitu suku etnik Serian sahaja sebaliknya kelompok suku etnik lain seperti Bau, Penrissen, Padawan dan Selako/Lara adalah sangat sedikit. Oleh yang demikian, dalam konteks kajian ini objektif kajian bukan sekadar mengupas adat sebagai suatu bentuk tamadun yang mencirikan mekanisme kawalan sosial tetapi juga bertujuan mempelbagaikan sumber material yang dapat dijadikan rujukan dalam mengkaji bukan hanya suku Bidayuh tetapi juga suku pribumi lain di Sarawak secara menyeluruh.

Rangka konsep

Bagi masyarakat yang menjunjung *adat* menganggap ia sebagai suatu kebiasaan dalam tingkahlaku atau sesuatu yang dibezakan dari entiti agama atau undang-undang. Benda atau perkara yang tidak bersifat agama ataupun undang-undang di kategorikan sebagai adat. Ia berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud kebiasaan atau tabiat. Konsep adat bukan sekadar mencakupi istiadat atau elemen ritual malah merangkumi nilai sosial yang menyeluruh termasuklah sistem sosial, kepercayaan serta undang-undang moral. Adat-istiadat pula merupakan manifestasi yang mencirikan tertatertib yang diamalkan dalam sesuatu upacara.

Konsep serta operasi adat yang asasi sifatnya merupakan pegangan moral yang kukuh dalam amalan hidup masyarakat. Tanpa kepercayaan atau keyakinan kukuh maka operasi serta peranan adat menjadi lemah dan akan luntur kesan pengaruh prinsip ideologi lain. Oleh itu, masyarakat mesti berpegang teguh kepada prinsip adat demi membolehkannya berfungsi dan dalam masa yang sama menjadi rukun dan syarat utama dalam kehidupan.

Umumnya dalam konteks kajian ini seluruh kelompok etnik Dayak yang mendiami kepulauan Borneo mendukung prinsip nilai dan budaya hidup yang hampir sama yakni mendukung suatu bentuk ideologi '*falsafah teologi hukum-alam*'. Prinsip nilai ini terpancar dalam aktiviti sosio-ekonomi, budaya, kepercayaan, agama, adat istiadat dan sebagainya lagi dalam kehidupan masyarakat. Dalam pada itu, prinsip ideologi ini pula menganjurkan kehidupan tidak hanya terletak pada realiti, kesejahteraan atau objektiviti

kehidupan seperti yang difahami oleh masyarakat moden dewasa ini. Menurut persepsi orang Bidayuh kesempurnaan hidup perlu dihayati menerusi keseimbangan kosmos (alam-semesta). Oleh itu, berpegang kepada falsafah ini maka masyarakat mereka percaya bahawa kesejahteraan dan kesempurnaan hidup terletak pada keberadaan kosmos yang kekal dalam bentuk serasi dan seimbang. Dengan itu, paradigma asas yang membentuk persepsi alam pemikiran sedemikian menuntut supaya setiap bahagian daripada entiti kosmos yakni segala bentuk kehidupan samada manusia atau makhluk lain mempunyai kewajipan untuk mengekal serta memelihara keseimbangannya.

Maknanya, realiti kehidupan tidak hanya terletak atas hubungan manusia dengan makhluk lain tetapi menuntut suatu bentuk interaksi atau hubungan intim menurut hukum alam (nature order). falsafah teologi-alam dalam konteks yang lebih spesifik menurut persepsi ini ialah **adat**. Bagi mereka adat dianggap sebahagian daripada entiti alam sama ada ia manusia, semangat, tumbuhan, haiwan dan sebagainya saling berinteraksi dan bertindak mengikut hukum-alam. Bertindak serta berkelakuan mengikut hukum-alam nescaya bertindak menurut adat.

Adat bagi orang Bidayuh adalah suatu bentuk cerminan tamadun yang terbit dari fenomena tindakan serta perlakuan yang diamalkan dalam hidup iaitu adat berperanan sebagai alat kawalan sosial yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi dalam bentuk lisan. Ia tidak wujud dalam bentuk tulisan atau manuskrip sebaliknya terbit secara lisan mahupun spiritual dalam diri individu atau masyarakat yang mendukungnya. Adat dalam konteksnya yang lebih asasi agak sukar untuk diterjemahkan dalam makna yang ideal kerana ia sering dikaitkan dengan elemen sakral.

Dengan meminjam pendapat Scharer (1963:164) falsafah ‘*teologi of creation*’ mungkin tepat mendukung makna konsep adat. Konsepnya yang berpaksikan prinsip teologi-penciptaan dijelaskan ke dalam sistem kawalan sosial (undang-undang sosial) dan dihubungkan pula dengan konsep kewujudan tuhan serta elemen sakral: menjadi asas kepada pengukuhan kepercayaan hubungan manusia – alam semesta.

Berdasarkan kajian ini adat boleh didefinisikan sebagai suatu bentuk kawalan sosial yang mengawal tabiat atau perlakuan yang diterima-pakai sebagai sistem nilai yang sahih dan sah (seperti sistem perundangan yang digubal dan termaktub dalam institusi perundangan sekular) dalam menentu serta mengawal tatacara perlakuan individu atau sekelompok masyarakat. Dalam kata lain, kawalan sosial berkuasa menentukan cara bertindak, menyusun-atur dan menghadkan tingkahlaku individu atau kelompok sosial yang saling berinteraksi dengan alam. Erik Jensen (1974:111) misalnya, mendefinisikan kawalan sosial kepada beberapa kategori yakni tabiat individu, operasi hukum alam, permuafakatan, kod-etika, denda atau suatu bentuk hukuman sosial.

Dalam pada itu, pengkaji seperti Hooker, David, Sandin, Jayl dan ramai lagi sepakat bahawa adat ialah satu bentuk undang-undang moral, agama, amalan, etika, tabiat, gaya hidup atau suatu ciri pendidikan tidak formal yang tersemat dalam amalan kehidupan setiap ahli masyarakat. Definisi kawalan sosial ini jelas menggambarkan setiap masyarakat mempunyai cara kawalan sosial yang berbeza yakni bergantung kepada bentuk atau tahap tindakan sosial yang dilakukan. Sementara undang-undang sosial sekular memperlihatkan perbezaan ketara dalam masyarakat moden sebaliknya bersifat tidak tersusun dan samar dalam masyarakat tradisi atau primitif. Namun dalam konteks yang

lebih khusus kawalan sosial memiliki ciri dan sifat sama ada ia sah atau tidak dalam situasi tertentu membentuk entiti yang saling bergantungan dan berinteraksi antara satu sama lain. Ada ketikanya pula, dalam beberapa hal ia kadangkala bertentangan dan menimbulkan konflik (David 1968:XXV). Keadaan ini berlaku kerana wujudnya sentimen pertentangan nilai kepercayaan atau fahaman yang dianggap sah atau sebaliknya dalam amalan hidup yang dipraktikkan.

Walau bagaimanapun, menurut persepsi orang Bidayuh konsep adat wujud dalam bentuk yang unik dan pragmatis. Maknanya ia tidak merangkumi seluruh gagasan aspek keagamaan atau amalan kepercayaan individu atau masyarakat keseluruhannya. Dalam amalan, adat seolah-olah wujud sebagai satu bentuk entiti yang terpisah dari sistem kepercayaan agama yang dianuti. Meminjam gagasan Hooker (1975: 143) dalam artikalnya '*In Legal Pluralism*' adat mempunyai konsep yang jauh berbeza dengan konsep hukum syarak dalam sistem perundangan Islam, undangan-undang (statute Law) dan perundangan konvensyen (Convention Law) dalam masyarakat Barat sekular. Malah dengan merujuk fenomena di mana majoriti penduduk menganuti kepercayaan agama Islam (dalam kes Malaysia dan Indonesia) fungsi adat hanya terbatas ke atas undang-undang adat sahaja. Justeru itu, ia tidak memberikan impak secara langsung ke atas kepercayaan agama yang dianuti.

A.J.N Richard (Adat Bidayuh:1964) seorang pengkaji adat moden misalnya mempunyai tanggapan tersendiri dengan mendefinisikan adat sebagai asas yang mencorakkan cara hidup , nilai asas, budaya, tingkahlaku, kod etika bertindak atau konvensyen yang wujud dalam diri dan menjadi praktik sosial sesebuah komuniti. Ia juga

dianggap bukan satu bentuk sistem nilai kawalan sosial yang hanya terbatas kepada hukum adat (Adat Law) atau bagi komuniti atau individu yang menjunjungnya sahaja. Sebaliknya hukum adat yang dipatuhi dalam kehidupan individu atau masyarakat mempunyai makna yang tidak tepat jika konsepnya hanya dikaitkan menurut persepsi ini. Makna adat agak sukar diterjemah melalui realiti fizikal kerana ia cuma boleh difahami melalui amalan, praktik serta pengalaman individu atau masyarakat yang mendukungnya. Maka dengan ini, bagi masyarakat luar terutamanya masyarakat barat hanya mengetahui makna adat dari manifestasi definisi yang termaktub walhal makna serta pengertiannya lebih kompleks menurut ideologi falsafahnya. Oleh itu, memahami makna adat dalam konteks yang lebih ‘realistik’ menuntut terjemahan yang tepat yakni mengaitkannya dengan konsep kewujudan tuhan. Bagi orang Bidayuh konsep kewujudan tuhan pula mungkin boleh difahami dengan merujuk gagasan yang dikemukakan oleh Scharer seperti berikut;

“Theology is anthropology. i.e in the matter of religion what we call theos in Greek and Gott in German expresses nothing other than the nature of man.; the god of man is nothing other than nature of man make divine; and consequently the history of religion, or what comes to the same thing, the history of god, is nothing other than the history of man.” (Scharer 1963: 160).

Pernyataan Scharer ini menggambarkan paradigma asas “konsep Kewujudan Tuhan” iaitu konsep adat yang mirip dengan konsep kepercayaan ‘rta’ dalam agama ‘Hindu’ atau ‘Tao’ dalam falsafah pengikut kepercayaan ‘Taoisme’. Semua kepercayaan ini menganjurkan falsafah keseimbangan serta keharmonian kosmos akan kekal serasi andainya tiada bentuk kehidupan atau tindakan yang melanggar hukum kosmos (Cosmic Order).

Adat dijunjung atas prinsip dalam kehidupan tiada masa dan tempat yang terluang tanpa adat. Dalam setiap aktiviti atau tindakan apa sekalipun manusia tidak

terlepas dari adat. Ia bertindak mengawal seluruh aspek kehidupan agar perlakuan atau tindakan individu atau seluruh anggota masyarakat tidak terpesong atau bertentangan dengan nilai sosial yang ditentukan oleh adat. Konsep adat di sini jelas iaitu menuntut kewujudan harmoni baik dari aspek fizikal maupun spiritual dalam masyarakat. Berdasarkan persepsi ini, bertindak menurut adat dipercayaai menjamin kesejahteraan serta keharmonian sosial dalam keadaan serasi “*state of balance*” dengan alam *spiritual* dan tuhan (Jayl 1999:2). Oleh itu, berkelakuan atau bertindak melanggar adat dipercayai akan menjelmakan malapetaka dalam bentuk fizikal ataupun spiritual. Untuk mengembalikan keharmonian fizikal atau spiritual maka upacara ritual harus dilakukan menurut adat.

Kaedah Kajian

Adat pada prinsipnya ialah satu himpunan etika atau nilai sosial yang terbit dalam diri individu dan dipraktikkan dalam hidup. Ia mendukung ideologi dan falsafah yang mana bersifat mengikat dan mengawal tatacara serta perlakuan seseorang individu dalam bertindak. Dalam kata lain, adat berfungsi sebagai alat kawalan sosial yang efektif bagi memelihara tingkahlaku sosial masyarakat yang menjunjungnya. Malah manifestasi yang terbit dari prinsip adat yang diamalkan secara tidak langsung mencorakkan tamadun masyarakat pribumi khususnya di Sarawak. Fenomena ini akan cuba dianalisa berdasarkan tiga elemen penting yang mendasari skop kajian iaitu "*latar belakang alam kehidupan semulajadi masyarakat*", "*nilai sosio-budaya dan ekonomi*", "*agama dan nilai kepercayaan yang dijunjung oleh masyarakat*".

Berdasarkan tiga elemen di atas konsep adat akan cuba dikupas untuk mendapatkan gambaran akan hubungan serta interaksinya dalam kehidupan masyarakat Bidayuh. Dalam konteks ini, kajian tentang adat akan dibuat secara menyeluruh. Untuk itu, maka falsafah dan prinsip nilai yang dipegang oleh masyarakat Bidayuh dijadikan asas untuk mendapatkan gambaran yang tepat sejauhmana semangat adat sentiasa subur dalam amalan kehidupan masyarakat. Analisa akan dilakukan dari dua perspektif penting: Pertama asal-usul adat yang bersifat '*universal*' diterima-pakai dan diamalkan oleh seluruh ahli masyarakat kini. Keduanya, konsep adat yang berpaksikan kosmologi sakral yang diwarisi membentuk himpunan kawalan sosial yang diadaptasi serta dipraktikkan oleh masyarakat pendukung seluruhnya.

Untuk tujuan ini maka penyelidikan perpustakaan dijadikan asas rujukan penting yang banyak membantu di dalam proses memahami sejauhmana semangat adat begitu kuat dalam amalan kehidupan. Justeru untuk memahaminya dengan lebih mendalam maka analisa dibuat dengan mencari, mengumpul serta membaca bahan-bahan berupa buku, majalah, kertas kerja, artikel, jurnal dan sebagainya lagi yang berkaitan dengan adat. Antara bahan rujukan utama tersebut termasuklah Sarawak Gazette, Sarawak Muzium journal, majalah, artikel, buku dan sebagainya lagi (rujuk Bibliografi) yang menjadi rujukan penting dalam proses penulisan kajian. Proses penyelidikan demikian menjadi asas utama penyelidikan ini memandangkan dengan membaca bahan-bahan terutama berkaitan tentang adat Bidayuh menjadikan analisa kajian akan menjadi lebih terperinci dan spesifik. Di samping itu, proses ini juga membantu memahami sejauhmana adat dalam amalan dan kepercayaan masyarakat wujud sebagai himpunan kawalan sosial yang sangat dominan dalam kehidupan. Oleh yang demikian, sepanjang proses penulisan kajian Jabatan Muzium Sarawak serta Majlis Adat Istiadat, Jabatan Ketua Menteri menjadi sumber rujukan utama bagi mendapatkan pelbagai bentuk material serta maklumat yang membantu dalam penulisan ini.

Dalam pada itu, kajian ini mungkin tidak memenuhi matlamat sekiranya tidak ada bentuk bantuan serta maklumat yang disumbangkan oleh para pegawai serta kakitangan Jabatan yang menjadi rujukan. Mereka ini termasuklah Datuk Tra Zendra sendiri selaku ketua Majlis Adat Istiadat yang arif tentang hal-hewah adat turut menyumbang segala bentuk pengalaman serta pengetahuan tentang semangat adat yang dimiliki. Begitu juga dengan Encik Jones Noeb dan Robert Sulis selaku penyelia Seksyen Bidayuh merupakan tokoh yang arif dan pakar malah begitu dihormati dalam hal-hewah

adat Bidayuh turut banyak membantu memerihalkan semangat adat menurut persepsi mereka melalui amalan dan pengetahuan mereka. Selain itu, kajian ini juga diperkuatkan oleh semangat adat yang menjadi warisan lisan seperti yang dihuraikan oleh Encik Nangei anak Sinus, Sak ak Sure, Tasiang ak Sure, Sugus ak Genyai, dan mereka yang tidak dapat disebutkan nama di sini adalah generasi tua yang masih mengamal serta memiliki pengetahuan yang arif serta dihormati tentang hal-chwal adat. Mereka ini boleh dikatakan generasi terakhir yang menjadi pewaris dengan meneruskan sisa hidup yang berpegang kepada semangat adat. Penghayatan semangat adat terpancar melalui pengetahuan serta amalan kepercayaan hidup yang di pertahankan. Justeru itu, berpandukan pengalaman serta pengetahuan tentang adat yang diterjemahkan dalam bentuk lisan menurut semangat adat sedikit sebanyak membantu menyediakan maklumat yang cukup berguna dalam proses menyiapkan penulisan kajian ini.

Sesungguhnya dalam proses menyiapkan kajian ini terdapat pelbagai cabaran yang ditempuhi lantaran latarbelakang serta skop kajian yang menuntut penyelidikan lebih menyeluruh. Umpamanya latarbelakang masyarakat Bidayuh yang terdiri daripada pelbagai etnik dengan variasi dialek percakapan serta adat resam yang agak berbeza menuntut pendekatan kajian secara umum dan menyeluruh. Tambahan pula terlalu terhad bahan-bahan atau material yang membantu kajian terutamanya yang berkaitan tentang adat yang boleh dijadikan rujukan dalam penulisan masyarakat Bidayuh di Sarawak.

Dalam pada itu, bahan-bahan itu juga sukar untuk diperolehi kerana ada diantaranya dalam simpanan individu tertentu dan jika adapun ia tidak begitu lengkap mahupun relevan dengan konteks kajian. Kesukaran juga dihadapi untuk mendapatkan

maklumat atau sumber yang tepat kerana ada di antara individu-individu yang tidak arif atau mempunyai pengetahuan dan pendapat tentang adat menurut persepsi yang berbeza. Seperti yang dikatakan kepelbagaiannya dalam variasi dialek percakapan dan suku etnik menjadikan pengetahuan serta amalan semangat adat tidak selari malah wujud jurang perbezaan antara mereka. Keadaan ini ditambah lagi dengan sikap serta latarbelakang informan yang terdiri daripada generasi baru yang tidak ambil berat malah langsung tidak mengetahui adat tradisi nenek-moyangnya. Sikap tidak ambil peduli ditambah lagi dengan sentimen yang menganggap bahawa adat itu primitif menjadikan ia semakin luntur sifatnya dalam diri mereka.

Dalam pada itu, kajian ini juga dibataskan oleh beberapa faktor. Antaranya kesuntukan masa dan keterbatasan waktu menyebabkan penulisan ini tidak dapat memenuhi objektif kajian seperti yang diharapkan. Dalam masa yang sama , tidak dinafikan juga masalah kewangan merupakan cabaran utama kerana tiada sebarang bentuk bantuan kewangan yang membantu sepanjang tempoh menyiapkan penulisan kajian ini. Selain daripada masalah di atas terdapat juga masalah lain yang tidak dapat dinyatakan di sini menjadi halangan dan cabaran dalam proses penulisan ini. Walau bagaimanapun, saya bersyukur ke hadrat Ilahi akhirnya penulisan kajian ini berjaya disiapkan menurut prosedur yang telah ditetapkan.